

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI

UTHM.PB/100-6/4/1Jld 2 (17)

Tarikh: 22 Julai 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 7/2014

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN TAMBANG GANTIAN UNTUK
TUNTUTAN PERJALANAN STAF UNIVERSITI**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan bagi menjelaskan mengenai Penambahbaikan Pelaksanaan Tambang Gantian Untuk Tuntutan Perjalanan Staf Universiti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil 6/2006 telah menjelaskan mengenai Penetapan Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Staf UTHM Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Atau Kursus Dalam dan Luar Negara. Melalui Pekeliling tersebut Universiti telah menerima pakai sepenuhnya Pekeliling Perbendaharaan Bil 3/2003 (Tugas Rasmi), Pekeliling Perbendaharaan Bil 3/2005 (Kursus), Arahan Perbendaharaan Bab "B" dan Pekeliling serta Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Bendahari yang sedang berkuatkuasa kecuali berkaitan Tambang Gantian.

2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2/2014 yang bersidang pada 17 Jun 2014 telah bersetuju dengan cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Tambang Gantian Untuk Tuntutan Perjalanan Staf Universiti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 PELAKSANAAN TAMBANG GANTIAN UNTUK TUNTUTAN PERJALANAN STAF UNIVERSITI DI UTHM

3.1 Berikut adalah penambahbaikan yang dilaksanakan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi tuntutan perjalanan melibatkan tambang gantian staf di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia :-

- (i) Tuntutan tol layak dibayar berdasarkan bukti resit atau penyata bagi aktiviti anjuran Universiti seperti bengkel / mesyuarat / program pelajar dan kursus/seminar anjuran pihak luar;
- (ii) Kadar tambang gantian adalah dikekalkan seperti **Jadual 1** dibawah bagi aktiviti anjuran Universiti seperti bengkel / mesyuarat / program pelajar dan kursus/seminar anjuran pihak luar :-

Jadual 1

Jarak Perjalanan	(Sen/Km)
500 kilometer pertama	40
501-1,000 km	35
1,001-1,700 km	30
1,701 km dan seterusnya	25

- 3.2 Bagi kursus yang dihadiri oleh staf di mana jaraknya melebihi 240 km daripada ibu pejabat, staf hanya layak menuntut elaun Tambang Gantian kenderaan dengan kadar seperti di **Jadual 1** sekiranya menggunakan kenderaan sendiri. Tol adalah layak dibayar berdasarkan bukti resit atau penyata "Touch n Go".
- 3.3 Elaun "Tambang Gantian" hanya layak dituntut bagi staf yang menggunakan kenderaan sendiri sahaja (bukannya menumpang kenderaan staf lain atau menaiki pengangkutan awam lain).
- 3.4 Bagi perjalanan yang pada kebiasaannya melalui lebuh raya, resit tol yang asal atau penyata "Touch n Go" yang boleh dilayari melalui alamat www.touchngo.com.my hendaklah disertakan. Sekiranya resit tol asal atau penyata "touch n go" tidak disertakan, staf tidak akan dibayar balik tuntutan tol tersebut.
- 3.5 Staf juga dikehendaki menyertakan borang pengesahan menggunakan kenderaan sendiri yang disahkan oleh Urusetia Bengkel/Mesyuarat / Kursus atau Pengurus Bahagian.

4.0 KUAT KUASA PEKELILING

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tuntutan perjalanan bulan Julai 2014.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, **perenggan 3.1** di dalam Pekeliling Bendahari Bil. 6/2006 berkenaan Penetapan Kadar dan Syarat Bagi Seseorang Staf Universiti Menuntut Elaun, Kemudahan dan Bayaran Semasa Bertugas Rasmi dan Berkursus di Dalam dan Luar Negara adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



MISRO BIN JERUT

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg Naib Canselor
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Ketua Unit Audit Dalam